

## Artikel

### Pelanunian Dan Pemburuan Hamba Di Tungku, Borneo Utara (1840–1879) (Piracy And Head-Hunting Of Servants In Tungku, North Borneo (1840–1879))

Mohammad Sham Mohammad<sup>1</sup>, Ismail Ali<sup>1</sup> & Mohd Firdaus Abdullah<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [mfa@ukm.edu.my](mailto:mfa@ukm.edu.my)

Diserah: 29 Ogos 2023

Diterima: 29 September 2023

**Abstrak:** Perbincangan berhubung dengan persejarahan tradisional di Borneo Utara dan alam Melayu adalah tidak lengkap tanpa membicarakan sejarah pelanunannya. Berbeza dengan sejarah pelanunian (*piracy*) di barat, perkembangan sejarah pelanunian di rantau ini berlaku bukan sahaja untuk tujuan ekonomi dan politik pemerintah tetapi turut dibayangi oleh pengaruh daripada nilai-nilai sosiobudaya para pemerintah, pembesar dan masyarakat pada waktu itu. Suku Iranun, Balangingi, Bajau dan Dayak Laut telah mencipta nama dalam persejarahan pelanunian di Borneo Utara dan kepulauan Asia Tenggara apabila suku-suku ini muncul sebagai perompak di laut serta pemburu hamba yang cukup digeruni oleh para pelayar, pedagang dan pentadbir barat sehingga mereka dilabelkan sebagai *pirate* serta penjenayah oleh orang Inggeris di Tanah Melayu dan Borneo Utara; orang Sepanyol di Filipina dan orang Belanda di Indonesia. Secara ringkasnya, makalah ini bertujuan membicarakan sejarah pelanunian di Tungku, Borneo Utara iaitu lokasi yang pernah menjadi pangkalan dan operasi terakhir aktiviti pelanunian serta pemburuan hamba semasa era Kesultanan Sulu sebelum ia berakhir ketika era pentadbiran British North Borneo Company (BNBC). Artikel ini berbentuk kualitatif dan bertemakan sejarah. Bahan dan sumber diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan lain-lain. Makalah ini diharapkan dapat merekonstruksikan semula sejarah pelanunian di Borneo Utara bukan sahaja dari kaca mata barat tetapi juga dari *world-view* atau pandangan dunia *Malay centric* itu sendiri.

**Kata kunci:** Pelanunian; Tungku, Borneo Utara; Kesultanan Sulu dan British; North Borneo, Laut

**Abstract:** Discussions in relation to the historical sphere in the North Borneo and Malay domain are still lacking without dealing with the aspect of piracy. In contrast to the piracy in the west, the history of piracy in this region is not only instigated by the economic and political purposes of the rulers, but also overshadowed by the sociocultural influences of the rulers, nobles, and society at that time. The Iranun, Balangingi, Bajau and Dayak Laut tribes have made a name for themselves in the history of piracy in North Borneo and the islands of Southeast Asia when they emerged as sea pirates as well as slave head-hunters who struck terror into the western sailors, traders, and administrators that they are deemed as pirates as well as criminals by the British in Malaya and North Borneo, the Spaniards in the Philippines, and the Dutch in Indonesia. In short, this paper aims to deal with the

history of piracy in Tungku, North Borneo, a place that used to be the last base and centre of piracy and slave hunting activities during the Sultanate of Sulu era before it has ceased to operate during the time of the British North Borneo Company ruling North Borneo in their era administration (BNBC). This article is qualitative and historically themed. Materials and research resources were obtained from the National Archives of Malaysia, National Archives of Sabah, Sabah State Public Library and others. This article towards the reconstruction of the history of piracy in North Borneo from the domain of Malay history, besides solely looking at the western perspective.

**Keywords:** Piracy; Tungku, North Borneo; Sultanate of Sulu and British; North Borneo, Sea

## Pengenalan

Dari segi sejarahnya, perkataan “lanun” berasal daripada bahasa Melayu iaitu merujuk kepada individu, kumpulan atau pihak yang dikatakan sebagai perompak, perampas, pembunuhan dan penculik di laut (Baringger, 2014). Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan lanun sebagai perompak laut dan bajak laut. Kegiatan pelanunan boleh dianggap sebagai aktiviti yang melanggar hak asasi manusia kerana ia merangkumi perbuatan merompak, menculik dan meragut nyawa di kawasan laut. Kegiatan pelanunan ini diistilahkan sebagai aktiviti perompakan laut oleh sesebuah perahu kepada perahu yang lain tanpa kuasa negeri dan untuk kepentingan peribadi (Ali, 2018). Pelanunan ini boleh juga dikelaskan sebagai aktiviti kekerasan yang berlaku di lautan dan mengancam nyawa. Pada tahun 1704–1878, kegiatan pelanunan telah mula dikesan dan ia berkembang di kawasan Borneo Utara berikutan daripada serangan lanun yang berleluasa dan bermaharajalela dalam perairan Nusantara. Penglibatan para pemerintah dan pelbagai suku pelaut seperti suku Iranun, Balangingi, Bajau dan Dayak Laut dalam kegiatan berkenaan telah menyebabkan sejarah pelanunan ini menjadi kronik dan begitu signifikan dalam persejarahan di Borneo Utara. Laut yang menghempas pantai Borneo Utara seperti Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Sulawesi menjadi wadah kepada aktiviti pelayaran serta perdagangan di kawasan tersebut lalu mewujudkan satu platform yang baik untuk menjalankan aktiviti pelanunan.

Semasa era Syarif Usman, kegiatan pelanunan dan pemburuan hamba telah dijalankan di kawasan Teluk Marudu dan Tempasuk. Kawasan ini telah menjadi lokasi petempatan mahupun pusat perkumpulan lanun berehat dan memulakan kegiatan mereka. Kebiasaannya, golongan datu, panglima dan syarif mempunyai pengaruh yang kuat dalam mengerakkan aktiviti pelanunan dan pemburuan hamba ini. Pusat kegiatan pelanunan ini kemudian berpindah ke kawasan Tungku setelah ekspedisi penghapusan lanun oleh orang barat di Marudu. Pada awalnya, Tungku merupakan lokasi pertemuan para datu, panglima dan syarif sehingga markas Syarif Usman dihapuskan. Perkara ini telah membuatkan Tungku menjadi sebuah kawasan tumpuan bagi suku Iranun dan Balangingi. Pada tahun 1845, Tungku telah menjadi lokasi asas kebangkitan dan penerus bagi kegiatan pelanunan. Orang Iranun dan Balangingi juga telah membina perkampungan dan petempatan di kawasan tersebut (Ismail Ali, 2018).

Lahad Datu ialah sebuah wilayah kecil yang terdapat di Sabah dan berada dalam bahagian pantai timur Borneo Utara, jika dilihat melalui longitud dan latitud Lahad Datu dikira pada kedudukan 118°19' timur darjah longitud manakala berkedudukan latitud 5°1' pada sebelah utara, dianggarkan daripada Kota Kinabalu daerah Lahad Datu berada dalam jarak kurang daripada 500 kilometer (KM). Ia merupakan sebuah daerah dan bandar yang terletak di Tawau iaitu pada bahagian pantai timur Borneo Utara. Lahad Datu merangkumi kawasan seperti Giong, Sabahan, Madai, Segama, Tungku, Sihabat dan Tambisan. Ia dinamakan sebagai “Lahad Datu” kerana berdasarkan kepada penyataan dan penceritaan setempat, Lahad Datu merupakan sebuah kawasan yang menjadi tempat persinggahan utama dari kalangan datu-datu berketurunan bangsawan yang datang daripada Kesultanan Sulu dan menetap lama di kawasan tersebut, manakala perkataan ‘lahad’ berasal dan membawa maksud negeri oleh masyarakat Bajau-Sinama. Sehubungan dengan itu, maka terbentuknya satu daerah yang dipanggil sebagai Lahad Datu hasil daripada maksud yang diberikan. Selain itu, terdapat satu lagi gelaran atau nama lain kepada

daerah Lahad Datu namun kali ini mengikut konteks bahasa orang Idahan yang merupakan salah satu penduduk peribumi sedia asal dan sudah lama menetap di kawasan Lahad Datu sejak sekian lama. Mengikut kaum ini, mereka mengelar Lahad Datu dengan satu nama panggilan yang berbeza daripada perkataan maksud ‘Lahad Datu itu sendiri iaitu dengan memanggil Lahad Datu sebagai Kerungau yang teinspirasi daripada bentuk fizikal persekitaran pantai yang kelihatan batu karang bertompok-tompok sepanjang persisiran pantai bermula dari kawasan Kunak hingga ke Membatu Tungku satu kaum peribumi di daerah ini; kawasan Lahad Datu dahulunya diberi nama Kerugau yang bererti batu karang bertompok-tompok yang ditemui di sepanjang pantai bermula dari Kunak hingga Membatu, Tungku (Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken, 2019; Rammani Karupiah: 2019).

Di Lahad Datu, dipercayai telah wujudnya kehidupan prasejarah iaitu dalam kitaran zaman kehidupan manusia Paleolitik yang berusia dalam anggaran lingkungan lebih daripada 20,000 tahun dahulu, antara kawasan yang menjadi tempat petempatan kepada manusia prasejarah ialah kawasan Tingkayu dan Gua Madai terdapat kawasan yang telah didiami sejak puluhan ribu tahun, antaranya di Tingkayu dan Gua Madai. Kenyataan ini telah terbukti dengan penemuan longgokan alatan yang terbentuk daripada batuan hasil peninggalan manusia prasejarah tersebut, dan alatan tersebut digunakan untuk membuat alat senjata, peralatan harian masyarakatnya dan kegunaan lain-lain bagi tujuan memenuhi keperluan hidup (Ismail Mansor, 2000). Sementara itu, di daerah Lahad Datu menunjukkan kepelbagaian masyarakat melalui saiz demografi penduduknya. Antara yang terdapat dalam daerah Lahad Datu ialah Bajau, Kadazan Dusun dan Idahan, Suluk, Iranun, Sungai, Brunei, Bisaya, Tidung dan lain-lain, namun kaum yang menjadi utama melalui daerah ini hanya terdiri daripada tiga kaum iaitu Bajau Kadaan Dusun dan Idahan. Lahad Datu jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain telah menunjukkan perkembangan yang agak perlahan dalam pembangunan sosioekonominya, kerana tunjang aktiviti ekonominya bagi masyarakat awalnya lebih banyak tertumpu kepada kegiatan sara diri. Namun begitu, pengeluaran dan penghasilan sarang burung yang terdapat di Lahad Datu membuatkan ia salah satu daerah yang sangat terkenal bahkan menjadi salah satu tumpuan aktiviti perdagangan barang yang melibatkan keseluruhan kepulauan yang dekat kepada daerah Lahad Datu, selain melibatkan wilayah Kesultanan Sulu sehingga ke China (Suraya Sintang, 2003).

Tungku pula merupakan sebuah daerah kecil yang terletak dalam daerah Lahad Datu. Ia berkeluasan 4144 kilometer persegi (1600 batu persegi) dan merangkumi kawasan Segama, Dam, Silabukan, Bakapit, Tungku, Tambisan hingga Kuala Meruap dan Tomanggong. Sektor ekonomi di Tungku berasaskan pertanian dan perikanan. Daerah Tungku terletak di persisiran dan mempunyai kedudukan strategik untuk menghimpunkan datu-datu serta menjadi tempat penyimpanan sementara hamba-hamba sebelum dibawa ke Jolo. Tungku dikatakan menjadi salah sebuah sarang atau petempatan laut dan pemburuan hamba pada abad ke-19. Kedudukan Tungku yang terletak di kawasan laut atau lebih tepat lagi pada bahagian timur laut menjadikannya sebuah petempatan yang dibina oleh dua kaum iaitu orang Balangingi dan Iranun, yang juga memberikan kepada kedua kaum ini peluang kepada pembinaan markas terhadap kegiatan pelanunan mereka, yang dijadikan sebagai salah satu tempat lencarkan modus operandi penyerangan kepada kapal yang datang berlayar melintasi jalur laut berdekatan bertujuan melakukan perdagangan. (Goudswaard, 2005). Maka dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk membahas sejarah pelanunan di Tungku, Borneo Utara, terutamanya mengenai pangkalan dan operasi aktiviti pelanunan serta pemburuan hamba semasa era Kesultanan Sulu, dan merekonstruksi semula sejarah pelanunan di Borneo Utara dari perspektif Malay centric dan pandangan dunia tempatan. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis pengaruh nilai-nilai sosiobudaya suku-suku seperti Iranun, Balangingi, Bajau, dan Dayak Laut dalam perkembangan sejarah pelanunan di rantau ini, memahami perubahan dalam aktiviti pelanunan dari era Kesultanan Sulu hingga era pentadbiran British North Borneo Company (BNBC), dan menggunakan sumber-sumber dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, dan lain-lain untuk menyokong analisis dan rekonstruksi sejarah pelanunan di Borneo Utara. Dengan objektif kajian ini, diharapkan kajian dapat memberikan wawasan yang lebih mendalam mengenai peranan dan pengaruh pelanunan dalam sejarah tradisional di Borneo Utara dan alam Melayu secara keseluruhan.

## Metodologi Kajian

Kualitatif adalah kaedah atau metod yang digunakan dalam membuat penyelidikan terhadap kajian penulisan ini dan ia satu penyelidikan yang berpaksikan sepenuhnya kepada kajian sejarah. Dalam menuntun dan penerusan kajian ini yang berterapkan kepada kualitatif penceritaan sejarah maka dilakukan peninjauan kepada sumber-sumber sejarah merujuk kepada penggunaan sumber primer dan sekunder. Dalam dua bentuk kategori sumber ini penelitian terhadap simpanan kepustakaan melibatkan Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dan Arkib Negeri Sabah itu sendiri, simpanan yang terdapat dalam arkib ini merupakan kategori sumber sejarah bersifat primer. Manakala bagi sumber sekunder lebih kepada peninjaun dan penelitian kepada simpanan kepustakaan yang terdapat dalam perpustakaan institusi seperti perpustakaan Universiti (Universiti Malaysia Sabah), perpustakaan Negeri Sabah dan pencarian atas talian terhadap artikel yang bersesuaian dengan kajian penulisan semua sumber sejarah ini akan dikumpul dan diteliti satu persatu bagi menentukan pembentukkan penulisan sejarah secara fakta yang betul. Bagi mencapai objektiviti dalam penyelidikan sejarah, dilakukan analisis, heuristik, tinjauan histiografi dan kritikan (Boldt, 2014). Proses penelitian sumber kajian ini adalah begitu penting agar dapat membuat penentuan terhadap kesahihan sumber-sumber sejarah yang diperolehi kemudian menyampingkan informasi data sejarah yang tidak tepat dengan topik pengkajian ini. Setelah pengumpulan sumber-sumber sejarah maka proses analisis akan dijalankan untuk membuat penyimpulan berasaskan sumber-sumber tersebut. Ia akan menghasilkan sintesis sumber yang dikumpulkan dan kemudiannya bakal menghasilkan maklumat penyelidikan. Dengan proses yang dilakukan akan membentuk satu tulisan sejarah dan bersifat historiografi dapat dimuktamadkan melalui kajian dan proses yang dilaksanakan sepanjang menjalankan penyelidikan sejarah terhadap topik yang hendak dibincang serta dibahaskan.

## Sorotan Literatur

Terdapat pelbagai pandangan dan percanggahan pendapat berhubung dengan pengistilahan lanun di barat dan Kepulauan Melayu amnya. Perkara ini berlaku disebabkan oleh perbezaan dalam *world-view*, modus operandi dan pelakunya. Contohnya, Chancellor Kent (House of Commons, England) telah mengistilahkan lanun sebagai “*piracy is robbery, or a forcible depredation on the high seas without lawful authority and done animo furandi, and in the spirit and intention of universal hostility*” (Ismail Mansor, 2000). Sementara itu, menurut Muhammad Tahir Hanif, aktiviti pelanunan dilihat sebagai “.... as has been observed elsewhere, piracy may well be the world’s third oldest profession, medicine being the second oldest. Piracy is an age old offense”. Untuk mengekang aktiviti pelanunan ini, King John’s Ordinance melalui Tordesillas Treaty telah mempertanggungjawabkan Sepanyol dan Portugal dalam menangani pelanunan di Lautan Atlantik pada tahun 1201. Selain itu, terdapat juga Akta Pelanunan yang dikeluarkan oleh Britain pada tahun 1698, 1721, 1837 dan 1850 diikuti dengan *The Territorial Waters Jurisdiction Act* pada tahun 1878 yang diwartakan di bawah undang-undang Inggeris untuk menangani isu ini (Muhammad Tahir Hanif, 2010).

Pada tahun 1724 juga telah memperlihatkan penggubalan undang-undang pelanunan (*Law of Piracy*) yang menganggap pelanunan sebagai jenayah atau lebih dikenali sebagai *animo furandi* dan *hostes humani genesis* iaitu satu frasa atau ungkapan undang-undang tentang musuh manusia (Baringger, 2014). Keupayaan Iranun, Balangingi dan Bajau dalam pelanunan di perairan Borneo sehingga mereka mendatangkan kegusaran kepada para pelayar dan pedagang Eropah telah membuatkan mereka dilabelkan sebagai “Raja di Laut” (*King of the Sea*) (Ismail Ali, 2018). Pelayar terkemuka Eropah seperti Alexander Dalrymple, William Dampier dan Thomas Hunt telah melabelkan perairan di Laut China Selatan, Laut Sulu dan Laut Celebes sebagai “*Age of the Pirate*” pada pertengahan abad ke-18 dan awal abad ke-19 manakala bulan Ogos hingga Oktober sebagai musim lanun atau “*Pirates Seasons*” (Warren, 1981). Malah penyelidikan oleh Azian Tahir dan Arba’iyah Mohd Noor melalui *Visual Operasi Menghapus Serangan Lanun Di Nusantara dari Laporan The Illustrated London News, 1845-1872* turut menyatakan aktiviti pelanunan di perairan di Laut China Selatan dan Laut Sulu telah memberi ancaman keselamatan kepada laluan perdagangan antara China dan India. Malah, penyelidikan turut menyatakan visual serangan British ke Tungku, Borneo Utara yang merupakan antara lokasi penempatan lanun utama pada ketika itu (Azian Tahir & Arba’iyah Mohd Noor, 2013; Azian Tahir, 2018).

Namun demikian, para sejarawan yang berpaksikan *Malay centric* mula mempersoalkan ketepatan definisi ‘lanun’ dan ‘aktiviti pelanunan’ yang berlaku di barat dan timur dari perspektif yang lebih luas lagi. Hal ini telah disuarakan oleh J. C. van Leur yang menyatakan bahawa “.... much of Asian History has in the past been observed from the decks of European ships, from the ramparts of the fortress, the high gallery of the trading-house” (Warren, 1981). Menurut Datu Bandira Datu Alang pula, istilah Iranun bererti kepada berkasihan sesama kaum dengan wujudnya interaksi sosial amat dekat sesama dalam kaum Iranun; terhubung dengan ikatan perkauman yang erat serta berkonsepkan kebersamaan dalam setiap aktiviti bermasyarakat iaitu menjalankan kerjasama sesama dalam kaum (Datu Bandira Datu Alang, 1992). Nicholas Tarling dalam bukunya yang bertajuk *Piracy and Politics in the Malay World: A Study of British Imperialism in Nineteenth Century Southeast Asia* telah mempersoalkan penggunaan istilah *piracy* ciptaan barat dalam menjelaskan *marauding activities* yang diterajui oleh orang Iranun dan Balangingi di Asia Tenggara yang menurutnya, ia harus difahami dari sudut etnosejarah. Menurut Tarling:

“... but these status of the pirates and particularly of their chiefs has too often been underestimated or wrongly understood. According to their lights, the pirates were honourable men, followers of an ancient calling, which incidentally had been patronized from antiquity by some of the bluest blood of the Archipelago” (Nicholas Tarling, 1963).

C. A. Majul dalam bukunya yang berjudul *Muslim in the Philippines* dan Rammani Karupiah bersama Danny Wong Tze Ken melalui *The Muslim Moro Conflict In Southern Philippines: Effects On Philippines-Malaysia Bilateral Ties, 1970-2010* pula melihat perbuatan suku Iranun dan Balangingi yang merompak serta menawan anak kapal dagang Sepanyol sebagai jihad rakyat Sulu menentang penyebaran agama Kristian oleh pihak Sepanyol di Filipina (Majul, 1973; Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken, 2019). Berdasarkan artikel akhbar *The British North Borneo Herald* yang bertajuk *Lanuns and others Pirates*, pelanunan merupakan kegiatan yang disanjungi dan dihormati, justeru tanggapan yang negatif terhadap suku Iranun dan Balangingi sebagai bangsa perompak di laut wajar diteliti semula (British North Borneo Herald, 1938).

## Dapatkan Kajian Dan Perbincangan

### 1. Sepintas Lalu Identiti Iranun dan Balangingi

Menurut Datu Bandira Datu Alang, terdapat pelbagai sebutan yang telah diberikan kepada suku Iranun seperti Iranon Irranun, Illanun, Ilanun, Iranon-Meranao, Illanun, Lanun, Lilanon, Iranun, Maranao dan Magindanao. Dalam kalangan masyarakat tempatan, istilah Iranun ini berasal daripada perkataan *ranao* yang membawa maksud tasik dalam bahasa Melayu. Asmah Haji Omar pula telah menjelaskan keberadaan suku Iranun ini sebagai “...both the term *Iranun* and *Illanun*, which reflect - Shift , from a set of example of the R-1 correspondence that is widespread in the whole of malay archipelago, other sets of example are *ranaw-lanaw* (lake), *uran-ulau*(rain), *pari-palay*(paddy) (Rosnah Ismail, 2004).” Dari perspektif sejarah, masyarakat Iranun-Meranao ini dikatakan berasal daripada Pulau Mindanao (Lapian, 2009) di selatan Filipina dan mereka menetap di dua tempat utama seperti di Tasik Lanao yang dipanggil sebagai orang Meranao atau Ranao dan di Teluk Illana (Scott, 1988) dengan gelaran sebagai orang Iranun (Rosnah Ismail, 2004). Menurut Edward M. Kuder, pengistilahan Illanun muncul setelah ada dari kalangan puak berasal daripada Marinaw bermigrasi daripada wilayah Mindanao menuju bahagian tepi laut atau pun tepi pantai seta membentuk petempatan dan tinggal di wilayah Magindanaw. Orang Marinaw dipanggil *i-Lanaw-Wen* membawa kepada maksud tasik. Tasik terkait dengan maksud tersebut adalah Tasik Lanao, berada di Mindanao dan orang luar yang datang ke Mindanao dan bertemu masyarakat ini serta merta menggelarkan mereka sebagai Illanun, Illanos dan Illanoon.

Penghijrahan suku Iranun ke Sabah yang dikenali sebagai Borneo Utara pada suatu ketika dahulu dikatakan telah berlaku sejak 150 tahun lepas. Forets dalam tulisannya menyatakan bahawa, antara faktor yang menyebabkan berlakunya penghijrahan orang-orang Iranun ke Magindanao, Kepulauan Sulu dan pantai timur

Borneo Utara adalah disebabkan oleh letusan gunung berapi (Saidatul Nornis Hj Mahali, 2013) yang menyebabkan kerosakan kawasan pertanian dan petempatan mereka (Rosnah Ismail, 2004). Tambahan, penghijrahan kaum ini juga turut didorong oleh sebab berlakunya pernikahan (antara peranan penting dalam faktor penghijrahan) untuk menjamin kelangsungan politik dan ekonomi suku Iranun. Di Borneo Utara, petempatan utama suku Iranun adalah di Tempasuk, Tungku, Lahad Datu dan Teluk Marudu. Di Tungku didapati, petempatan utama suku Iranun adalah di Nala Lama, Dangan, Lappasan dan Telisai (Saidatul Nornis Hj Mahali, 2013).

Berbeza dengan suku Iranun, suku Balangingi (Samal) pula berasal daripada sebuah pulau bernama Pulau Balangingi berada ditengah Pulau Jolo dan Pulau Basilan dibahagian bawah Filipina atau lebih tepat lagi dikawasan Mindanao (bahagian Barat Daya) (Siti Aidah Lokin, 2007). Antara petempatan utama suku ini adalah di Satan, Pahat, Lion, Qussu dan Qullmunung. Disamping itu, orang Balangingi ini juga didapati berada di Pulau Simosa, Pulau Bangaloo, Sipak, Bukotingal, Sangap dan Pulau Tungkil dan turut dipanggil sebagai sarang lanun oleh orang Sepanyol. Dalam bahasa Makassar, Kaum ini diistilah sebagai orang berperilaku gasar serta tidak ramah (Lapihan, 2009). Pada masa sama, orang Sepanyol menggelarkan suku Balangingi ini sebagai *samales* disebabkan suku tersebut menjalankan penculikkan orang dalam kawasan laut Luzon dan Sulawesi.

Pada tahun 1838, suku itu sendiri telah menggelarkan diri mereka sebagai suku Balangingi bersempena dengan nama Pulau Balangingi yang menjadi petempatan utama mereka di Kepulauan Filipina, manakala suku Iranun pula menggelarkan mereka sebagai Samal/Sama dan Ballanghinin. Pada tahun 1836, Pulau Balangingi mempunyai sekitar 1000 orang penduduk dengan anggaran 30 hingga 40 buah perahu dan mereka mula bergiat aktif dalam aktiviti pelanunan apabila mereka bernaung di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu yang terdiri daripada pembesar Tausug dan berasimilasi dengan suku Iranun (Warren, 2011). Hubungan timbal balik antara para pembesar yang bergelar datu-datu, panglima, sheriff daripada suku Tausug dan Iranun dengan suku Balangingi ini dapat dilihat menerusi penajaan oleh para pembesar ini kepada suku Balangingi iaitu berupa perahu-perahu besar, perkakasan, makan minum dan persenjataan dalam aktiviti pelanunan dan pemburuan perhambaan. Antara datu-datu Tausug yang menggunakan khidmat suku Balangingi dalam aktiviti melanun dan pemburuan hamba termasuklah Datu Pacula di Sipak, Datu Molok dan Maharajalela daripada Balangingi. Di Borneo Utara, suku Balangingi telah membuat petempatan di Kota Marudu, Kudat dan Tungku (Wareen, 1978).

## 2. Modus Operandi

Kebersamaan dari aspek kesukuan, kesefahaman dan latarbelakang sebagai pelaut telah membolehkan suku Iranun, Balangingi dan Bajau menyusun strategi yang baik serta efisien apabila melakukan kegiatan prrompakan (kegiatan Lanun) dan pemburuan orang (didagang) disekitar perairan berhampiran dengan kawasan orang Balangingi dan kawasan yang boleh dicapai serta alam Melayu amnya. Oleh sebab terdapat kekangan dari segi bilangan dan saiz perahu serta persenjataan berbanding dengan kapal-kapal Eropah, maka suku Iranun, Balangingi dan Bajau telah menggunakan taktik serangan hendap dalam menjalankan aktiviti mereka. Mereka menyasarkan komoditi barang dagang dan menculik anak-anak kapal untuk dijual sebagai hamba di Brunei dan Jolo (Manual Damilan, 2017). Mereka turut bersembunyi di sebalik kapal-kapal besar yang berlabuh dan menyamar sebagai nelayan bagi menyukarkan para pedagang mengesan kehadiran mereka sebagai lanun. Terdapat beberapa perahu kayu yang biasa digunakan oleh suku Iranun dan Balangingi untuk melaksanakan misi pelanunan mereka seperti salisipan, garay, joanga, penjajap, barangayan, prahu, kora-kora, kumpit, pakarangan, parangkang, perahu lepa dan perahu parau (Ismail Ali, 2007: Ismail Ali, 2016). Bagi pemburuan hamba di pesisir pantai yang cetek dan berbatu karang, mereka menggunakan sejenis perahu yang lebih kecil dan ringan seperti lanong, kakap serta prahu. William Wyndham melaporkan bahawa suku Iranun bersama-sama dengan suku Balangingi di Tungku telah merompak kapal dagang Bugis dan perahu-perahu dagang tempatan serta membunuh anak kapal seperti yang berikut:

“... the Iranun based in Tunku caused havoc among Bugis prahus playing back and forth across the archipelago, Especially among those journeying from Makassar to Buton. In November 1851, sherif Yasin of Bengaya on the northeast coast of Borneo also stated that these Iranun had attacked many other local trading prahus” .

Menurut Isya Jutur, suku Iranun dan Balangingi berkemahiran tinggi dalam ilmu kelautan dan ia digunakan dalam kegiatan merampas kapal-kapal dagang di kawasan pantai timur Borneo Utara. Sebagai contoh, Datu Andaman telah menggunakan helah sebagai pedagang yang ingin menukar tikar mengkuang dengan pedagang British, namun tanpa disedari oleh pedagang British tersebut, beliau mengeluarkan sebilah parang yang disembunyikan di dalam tikar itu lalu membunuh pedagang tersebut. Antara senjata tradisional yang biasa digunakan dalam aktiviti pelanunan dan pemburuan hamba termasuklah rentaka (sebuah meriam kecil), leming atau tombak, barong, sundang, kampilan, tatabas, panabas dan sebagainya.

### 3. Kegiatan Pelanunan di Tungku

Pada awalnya, Tungku dilihat sebagai kawasan pertanian yang kaya dengan padi huma, tebu dan tanaman lada. Pada tahun 1840, Raja Laut telah berlayar ke Tungku dengan kekuatan seramai 1000 orang dan kapal mereka dilengkapi dengan senjata dan peluru untuk pertahanan diri. Raja Laut ataupun *Chief* Lanun telah berpakat dengan Syarif Usman iaitu seorang pembesar di Teluk Marudu dan kesepakatan itu menyaksikan kawasan Tungku dijadikan sebagai pusat pertemuan bagi golongan datu/syarif untuk berbincang pada bulan Januari (Wright, 1979). Tungku pada waktu ini dilihat sebagai kawasan pertemuan dan perbincangan para datu/syarif sahaja. Pemilihan kawasan itu sebagai pusat pertemuan dan perbincangan adalah disebabkan oleh faktor geografi dengan Kepulauan Sulu. Pada tahun 1845, pangkalan Teluk Marudu telah dimusnahkan dan dihancurkan oleh pihak barat melalui ekspedisi penghapusan lanun di sekitarnya. Berikutan daripada itu, terdapat beberapa saki baki lanun di teluk itu yang melarikan diri ke Tungku dan melancarkan kembali kegiatan melanun. Pada ketika itulah, kawasan Tungku telah dikawal oleh lanun-lanun yang ingin membala dendam. Antara nama ketua lanun yang menjalankan akitviti pelanunan sebagai tindak balas ke atas perlakuan pihak barat merampas, membunuh, menceroboh kawasan mereka ialah Memadam dan Syarif Hussin.



Rajah 1 : Potret Pahlawan Iranun  
Sumber: Ismail Ali (2018)

Terdapat beberapa peristiwa pelanunan yang berlaku di Borneo Utara dan Kepulauan Sulu yang pernah dicatatkan oleh para pelayar dan pedagang barat. Antaranya, peristiwa pelanunan terhadap kapal *The Maria Frederic* yang diketuai oleh Andrew (John, 1863). Dalam peristiwa itu, kapal tersebut dikatakan telah ditahan oleh dua perahu lanun sebelum kargo kapal berkenaan dirampas dan semua anak kapalnya dibunuh. Pada tahun

1850, kapal *Lizzie Weber* yang diketuai oleh Kapten John Dillon Northwood berlayar dari Brunei menuju Singapura, namun telah dihalang oleh lapan buah perahu Iranun yang diketuai oleh Rahman (Bird, 2013). Dalam peristiwa pada bulan September 1851 pula, sekumpulan lanun yang diketuai oleh Memadam telah menyerang kapal dagang *Dolphins Ships* yang berlepas dari Pulau Labuan sehingga menyebabkan Mr. Burns selaku kapten kapal dan tiga anak kapal terbunuh (Rutter, 1922). Memadam telah menyamar sebagai pedagang yang ingin menjalankan sistem tukar barang (*barter*) dan mendekati kapal *Dolphins* sebelum secara tiba-tiba telah menyerang anak-anak kapal menggunakan kampilan atau parang dan seorang lanun bernama Ibrahim pula telah menetak Kapten Burns.

Setelah merampas kapal kargo tersebut, mereka telah menuju ke Teluk Labuk dan sebelum sampai di Teluk Labuk, Memadam dan anak-anak buahnya telah merompak dua lagi kapal dagang Inggeris termasuk membunuh separuh daripada anak-anak kapal tersebut, manakala bakinya dijadikan sebagai hamba. Selain menyerang dan merompak kapal dagang barat, mereka turut menyerang perahu dagang Bugis di kawasan perairan Singapura. Pada penghujung tahun 1870, Tungku yang berada dalam kawasan Teluk Darvel telah menjadi pusat perdagangan hamba yang terkenal di Borneo Utara. Maharaja Alam dan Datu Kurunding merupakan pembesar yang mentadbir Pulau Omadal dan Teluk Darvel. Pada tahun 1877, Datu Kurunding, Maharaja Alam serta Imam Jonjowi telah bergabung dan menjalankan ekspedisi pelanunan hingga berjaya menangkap seramai 600 orang penduduk tempatan untuk dijadikan hamba termasuk membunuh seramai 120 orang (Pryer, 2001). Pada tahun 1878, sebanyak 50 buah perahu dengan kekuatan seramai 500 orang lanun yang lengkap bersenjata telah melakukan serangan di sekitar kawasan Sugut, Labuk dan Lingkabo dengan tujuan untuk mendapatkan hamba (Singh, 2000). Dalam ekspedisi ini juga, Imam Jonjowi dan Datu Kurunding dikatakan telah menangkap 65 wanita dan kanak-kanak Bajau sebelum mereka dijual di pasar hamba di Bulungan (Pryer, 2001). Dalam kejadian pada Oktober 1878, Teluk Labuk telah didatangi oleh seramai 30 buah perahu dengan kekuatan 300 orang lanun yang dikatakan telah melanun rombongan daripada bonda Sultan Bulungan sebelum itu. Sebelum ketibaan Pryer di Sandakan, seramai 160 pedagang dan pelaut telah dibunuh berdekatan dengan Labuan dan Sandakan (Black, 1985).

#### 4. Pemburuan dan Perdagangan Hamba

Di bawah pemerintahan Kesultanan Sulu, kepentingan hamba sebagai satu komoditi yang cukup bernilai dapat dilihat kerana ia bersesuaian dengan keperluan pasaran buruh dan hierarki sosial Kesultanan Melayu pada abad ke-18 dan ke-19. Semasa era Kesultanan Sulu, Pulau Jolo telah menjadi salah sebuah pusat pasaran hamba yang penting sehingga ia menarik perhatian para pedagang. Kapal-kapal dagang Eropah yang berlayar di kawasan Laut Sulu, Celebes dan Laut China Selatan akan dirompak dan anak-anak kapalnya kemudian ditawan untuk dijual sebagai hamba. Hamba tempatan pula diperolehi daripada kawasan jajahan Kesultanan Sulu. Tungku telah muncul sebagai sebuah pangkalan pelanunan utama di Borneo Utara selepas James Brooke menghapuskan pangkalan pelanunan di Marudu dan kematian penggerak utama aktiviti perlanunan di Borneo Utara, Syarif Usman. Aktiviti perlanunan sekitar Tungku telah dipimpin oleh Memadam dan Syarif Hasan (Hussein). Semasa pemerintahan Syarif Usman di Teluk Marudu dan Tempasuk, beliau telah menjadikan Tungku sebagai pusat pertemuan dan persinggahan bagi semua datu yang mahu berbincang tentang urusniaga mereka (Wright, 1979).

Di sepanjang pesisiran Tungku, Sihabat dan Mekawa yang menjadi pangkalan utama pelanunan pula, terdapat petempatan yang digambarkan oleh Kapten Belcher sebagai tempat pemasaran hamba dan sarang lanun Tungku pada awal tahun 1840. Sebagai contoh, seorang saudagar yang bernama Mail telah tiba di Tungku pada Julai 1851 dengan tujuan untuk berdagang dan terserempak dengan sekumpulan Iranun yang sedang membawa sebuah perahu Bugis yang telah mereka rompak daripada Buton, iaitu *panchalong* (*large trading boats*). Di Borneo Utara, terdapat dua kategori hamba, iaitu *ulun ulih beli* dan *ulun ulih pesaka* atau anak amas. Secara umumnya, hamba *ulun ulih beli* merupakan golongan hamba yang diperoleh melalui kegiatan pelanunan dan bukannya melalui ekspedisi khas pemburuan hamba. Menurut catatan William Preyman, lagegori hamba ini diletakkan dalam status terendah kerana mereka tidak memperolehi hak-hak untuk hidup disebabkan mereka adalah individu yang telah ditangkap sewaktu menjalankan ekspedisi pemburuan hamba. Melaluinya golongan

ini tiak boleh sama sekali melakukan penebusan terhadap diri mereka dan perlu mengikuti setiap aturan yang telah ditetapkan kepada mereka yang telah menjadi golongan hamba *ulun ulih beli*, menjadikan kehidupan mereka sangat terhad dan hanya menjalankan kehidupan di tempat mereka bekerja serta cenderung melakukan tugas-tugas yang berat, selain keputusan berkenaan soal hidup terletak pada pemilik mereka. Menurut Tregoning “...*the another type of slave was the ulun ulih beli the bought of captured slave, a slave with no right, no place in the family, who could be disposed if in any manner the owner thought fit in all ways a bona fide slaves as the term was understood*” (Tregoning, 2007).

Jadual 1. Tafsiran harga bagi hamba di Borneo Utara

<b>Kategori</b>	<b>Harga (pikul) 1 Pikul = 20–25 dolar</b>
Budak Lelaki	2 Pikul
Lelaki	3 pikul
Budak Perempuan	3–4 pikul
Perempuan Muda	3–5 Pikul
Golongan Pertengahan Umur	1 setengah pikul
Pasangan yang muda	7–8 pikul
Pasangan tuan tua	5 pikul

Sumber : Jalaluddin Malik (1995)

*Ulun ulih pesaka* atau anak amas pula merupakan hamba melalui perkahwinan dengan seorang hamba. Status sebagai hamba ini akan diperturunkan melalui generasi seterusnya. Menurut Tregoning, “... *there were the ulun ulih pesaka, known as anak amas, domestic slaves who had belonged for several generations to one family, a slave was an anak amas if both his father and his grandfather, or more likely mother or grandmother, had been owned by the same family*” (Tregoning, 2007). Namun demikian, seorang wanita jika memiliki anak berstatus amas akan tertukar tarafnya sekiranya berlaku perkahwinan bersama seorang lelaki datang dari kalangan masyarakat biasa bukannya berstatus hamba, manakala hantaran perkahwinan dimaktub lebih daripada satu kali ganda kerana masih ada hutang yang diwarisi daripada ibu bapa (Sajok, 2017). Secara amnya, aktiviti pemburuan dan penentuan hamba dilakukan berdasarkan umur, jantina dan keperibadian mereka. Pada pertengahan 1830, harga hamba lelaki ialah sekitar 20 hingga 30 pesos, manakala hamba perempuan pula boleh mencapai kira-kira 50 hingga 100 pesos; bergantung pada umur dan keupayaan fizikal; sementara harga bagi tawanan anak yatim piatu ialah separuh daripada harga hamba lelaki.

## Kesimpulan

Aktiviti pelanunan dan pemerdagangan hamba telah banyak mendatangkan kerugian dan menjatuhkan martabat pihak barat terutama Inggeris, Sepanyol dan Belanda. James Brooke yang menjadi pemerintah di Sarawak telah muncul sebagai wira dalam sejarah kempen penghapusan pelanunan di Borneo Utara. Setelah berjaya menghapuskan pusat-pusat petempatan lanun Dayak Laut di Sarawak, James Brooke bersama-sama dengan angkatan laut British yang diketuai oleh Kapten Rodney Mundy, Kapten Edward Belcher, Kapten Massie, Spencer St. John dan Kapten Farquhar telah menggempur pangkalan lanun di Borneo Utara termasuk di Marudu, Tempasuk serta Tungku menggunakan kapal perang seperti kapal HMS Cleopatra, EIC Steamer Pluto dan Semiramis. Walaupun mendapat tentangan sengit daripada lanun Iranun dan Balangingi, pihak British telah berjaya menghapuskan satu persatu pangkalan-pangkalan lanun ini berikutan kekuatan dari segi kapal, tentera dan persenjataan yang dimiliki selain bantuan daripada pihak Sepanyol dan Belanda. Boleh dikatakan bahawa setelah pangkalan dan pusat pelanunan di Tungku, iaitu lokasi terakhir yang berjaya dimusnahkan, Kesultanan Sulu juga mula mengalami kejatuhan. British North Borneo pun mula bertapak di Borneo Utara dan rentetan daripada itu, sejarah pelanunan dan pemburuan hamba di Borneo Utara juga berakhir.

Kesimpulannya, sejarah pelanunan di Borneo Utara kelihatan jauh berbeza daripada sejarah pelanunan di barat. Walaupun pada prinsipnya, aktiviti pelanunan ini dilabelkan sebagai satu bentuk jenayah dalam

perundangan barat, ia dilihat seperti sebuah jihad; satu keperluan dalam ekonomi dan sosial; serta budaya masyarakat jika dari perspektif Kepulauan Melayu. Dari perspektif yang lebih luas lagi, sekiranya dilihat sejarah pelanunian oleh suku Iranun dan Balangingi di Borneo Utara, ia telah jauh mendahului pandangan Alfred Thyer Mahan yang terkenal dengan teori *sea power* beliau. Teori beliau mengatakan bahawa “barang siapa yang menguasai laut dan lautan, maka dialah yang menguasai dunia” yang pada akhirnya menjadikan Eropah sebagai sebuah kuasa dunia pada abad ke-19 hingga kini. Dalam erti kata lain, pengetahuan tentang kepentingan laut sebagai wadah untuk menjadi sebuah kerajaan yang kuat serta unggul di alam Melayu sudah lama diketahui dan dipraktikkan oleh para pemerintahnya.

**Penghargaan:** Kami ingin mengucapkan penghargaan yang mendalam kepada Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, dan Pusat Kajian Sejarah, Politik, dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, atas sokongan yang tidak terhingga dalam penulisan dan penerbitan penyelidikan ini. Kerjasama dan bimbingan dari kedua-dua institusi ini telah menjadi asas yang kukuh dalam menjalankan kajian ini, dan kami amat berterima kasih atas sumbangan yang amat berharga dari semua pihak yang terlibat. Penghargaan ini adalah bukti utama bahawa kerjasama akademik seperti ini memainkan peranan yang penting dalam kemajuan ilmiah dan penyelidikan, dan kami berharap untuk berkolaborasi dalam projek masa depan yang lebih menarik.

## Rujukan

- Aping Sajok. (2017). *Sejarah amalan perhambaan di Borneo Utara 1800-1941*. [Disertasi Sarjana, Universiti Malaysia Sabah].
- Azian Tahir. (2018). *Visual cetakan sejarah terpilih bertemakan Negeri-Negeri Melayu pada Era British, 1786-1890*. [Disertasi Ph.D]. Universiti Malaya.
- Azian Tahir & Arba'iyah Mohd Noor. (2013). Visual operasi menghapus serangan lanun di nusantara dari laporan the illustrated London News, 1845-1872. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 22(2), 35-55. <http://dx.doi.org/10.22452/sejarah.vol22no2.2>
- Baringger, S. (2014). Enemies of Mankind: The image of pirates in 18th century England. *Primary Source*, 5(1), 1.
- Boldt, A. (2014). Ranke: Objectivity and history. *The Journal of Theory and Practice*, 18(4), 457-474. <https://doi.org/10.1080/13642529.2014.893658>
- Black, I. (1985). The “Lastposten”: Eastern Kalimantan and the Dutch in the nineteenth and early twentieth centuries. *Journal of Southeast Asian Studies*, 16(2), 281-291. <https://doi.org/10.1017/S0022463400008456>
- NewspaperSG - The British North Borneo herald and fortnightly record. (n.d.). <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/browse/faef0752-b85e-4e02-b8a3-f864f77203f9>
- Datu Bandira Datu Alang. (1992). *Iranun: Sejarah dan adat tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ali. (2007). Bogoo: Warisan perahu komuniti Bajau Laut di Sabah. *Kajian Malaysia*, XXV(1).
- Ismail Ali. (2018). *Sejarah & budaya perlanunian di Kepulauan Borneo*. Penerbit Ombak.
- Ismail Ali & Ismail Mansor. (2000, Mac 19). Kawasan tapak kaji purba unik dan menarik. *Daily Express*.
- Jalaluddin Malik. (1995). *Sejarah Orang-orang Bajau Sabah pada abad ke-19*. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- John, S. S. (1863). *Life in the forests of the far east: Or travels in Northern Borneo* (Vol. 2). Smith, Elder and Company.
- Lapihan, A. B. (2009). *Orang Laut, Bajak Laut, Raja Laut: Sejarah kawasan, Laut Sulawesi abad xix*. Kominitas Bamboo.

- Manual Damilan. (2017). Aki Tumunda: Tokoh masyarakat Dusun Kimaragang di Kota Marudu dari sudut sejarah lisan. *Jurnal Borneo Arkhaialogia (Heritage, Archaeology and History)*, 1(1), 1-10. <https://doi.org/10.51200/jba.v1i1.1247>
- Majul, C. A. (1973). *Muslims in the Philippines*. University Philippines Press.
- Muhammad Tahir Hanif. (2010). *Sea piracy and law of the Sea*. University of Tromso.
- Rosnah Ismail. (2004). *Hubungan kesulitan ekonomi dengan kefungsian keluarga, Hubungan perkahwinan dan tingkah laku keibubapaan etnik Rungus, Iranun dan Melayu*. Syarikat Bumi Yakin.
- Rutter, O. (1923). *British North Borneo: An account of its history, resources, and native tribes*. Constable & Co. Ltd.
- Scott, W. C. (1988). Enquiries into the Illanun Pirates of North Borneo. *Sarawak Museum Journal*, 39(60), 169-194.
- Siti Aidah Lokin. (2007). *Perubahan sosioekonomi dan pentadbiran masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Universiti Malaysia Sabah.
- Pryer, A. (2001). *A decade in Borneo*. Leicester University Press.
- Rammani Karupiah. (2019). *The development of Philippines-Malaysia Bilateral Relations, 1957-2010*. [Ph.D dissertation]. Universiti Malaya.
- Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken. (2019). Perkembangan hubungan bilateral Filipina-Malaysia 1957-2010. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 28(1), 153-175. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol28no1.10>
- Rammani Karupiah & Danny Wong Tze Ken. (2019). The Muslim Moro Conflict In Southern Philippines: Effects On Philippines-Malaysia Bilateral Ties, 1970-2010. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 24(2), 109-130.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2013). *Nilai & norma masyarakat di Sabah*. Penerbit UMS.
- Singh, R. (2000). *The making of Sabah 1865-1941*. Universiti Malaya.
- Suraya Sintang. (2003). Penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazan Dusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, 18, 59-80.
- Tarling, N. (1963). *Piracy and politics in the Malay world: A study of British imperialism in nineteenth century Southeast Asia*. F. W. Cheshire.
- Tregoning, K. G. (2007). *Under chartered company rule (North Borneo 1881-1946)*. University of Malaya Press.
- Warren, J. F. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamic of external trade, slavery, and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore University Press.
- Warren, J. F. (1978). Who were the Balangingi Samal? Slave raiding and ethnogenesis in nineteenth century Sulu. *Journal of Asia Studies*, 37(3), 484. <https://doi.org/10.2307/2053573>
- Warren, J. F. (2011). The Balangingi Samal: Pirate wars, dislocation, and diasporic identities. *The Great Circle*, 33(2), 43-65.
- Wright, L. (1977). *The Iranun Pirate State of Borneo: The relevance to Southeast Asian history*. Universiti Malaya Press.